

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada **jam 1200, Selasa, 29 Ogos 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN
SUKU TAHUN KETIGA 2023

Peniaga kembali optimis dengan sentimen keyakinan perniagaan mencatatkan peningkatan 0.7 peratus bagi ST3 2023

PUTRAJAYA, 29 OGOS 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Ketiga 2023**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi tiga dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Peniaga meramalkan keadaan perniagaan yang bertambah baik untuk suku tahun ketiga 2023 dengan petunjuk keyakinan positif iaitu 0.7 peratus berbanding -3.1 peratus pada suku tahun kedua 2023 (**Paparan I**). Ianya disokong antaranya termasuk kestabilan pasaran pekerjaan, peningkatan dalam pelancongan domestik dan jangkaan yang lebih optimis dalam industri pelancongan kesihatan."

Pada suku tahun ketiga 2023, jangkaan perniagaan positif disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Industri. Sektor Perkhidmatan terus optimis terhadap prospek perniagaan dengan petunjuk keyakinan +6.1 peratus berbanding +3.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, sentimen dalam sektor Industri melonjak kepada trajektori positif dengan mencatatkan +1.3 peratus berbanding -2.1 peratus pada suku tahun kedua 2023. Persepsi yang lebih baik dalam sektor

Industri disokong oleh dua sub-sektor, iaitu Pertanian dan Perlombongan, yang mana kedua-duanya menjangkakan keadaan perniagaan yang menggalakkan dalam suku tahun rujukan. Sebaliknya, sektor Pembinaan terus menjangkakan keadaan perniagaan yang negatif dengan petunjuk keyakinan -26.9 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Begitu juga, sektor Perdagangan Borong & Runcit kekal pesimis dengan petunjuk keyakinan yang lebih baik -1.5 peratus pada suku tahun rujukan daripada -10.2 peratus pada suku tahun kedua 2023.

Melihat kepada sentimen perniagaan untuk enam bulan akan datang berakhir Disember 2023, peniaga kekal optimis, meskipun dengan imbalan bersih yang lebih rendah iaitu +13.9 peratus daripada +14.9 peratus direkodkan sebelum ini (**Paparan II**). Tinjauan positif disokong merentas semua sektor, menunjukkan keadaan perniagaan yang bertambah baik dalam tempoh yang diramalkan. Sektor Perkhidmatan menjangkakan situasi perniagaan yang menggalakkan dalam enam bulan akan datang dengan imbalan bersih +27.0 peratus berbanding +30.1 peratus yang dicatatkan bagi tempoh April hingga September 2023. Begitu juga, sektor Industri menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik dengan imbalan bersih +9.7 peratus berbanding +15.6 peratus. Di samping itu, sektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pembinaan bertukar optimis terhadap situasi perniagaan bagi separuh kedua 2023. Sentimen dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit meningkat dengan imbalan bersih +7.2 peratus dibantu oleh prospek yang lebih baik dalam sub-sektor Perdagangan Borong. Sektor Pembinaan turut meramalkan keadaan perniagaan yang positif dengan imbalan bersih +2.6 peratus berbanding -7.7 peratus yang dicatatkan sebelum ini.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh

diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

29 OGOS 2023

Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2018 – 2023



Paparan II: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2019 – 2023



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 29 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUSINESS TENDENCY STATISTICS
THIRD QUARTER 2023

Businesses return optimistic with business confidence sentiment recording an increase of 0.7 per cent in the Q3 2023

PUTRAJAYA, AUGUST 29, 2023 – The Department of Statistics Malaysia today released **Business Tendency Statistics for the Third Quarter 2023**. This publication presents expectations on business performance for the three and six months ahead. The statistics are based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Businesses foresee an improving business situation for the third quarter 2023 with positive confidence indicator of 0.7 per cent as compared to -3.1 per cent in the second quarter 2023 (**Exhibit I**). This is supported by factors including the stability of job market, the upsurge in domestic tourism and optimistic expectation in the health tourism industry."

In the third quarter 2023, positive business expectation is bolstered by the Services and Industry sectors. Services sector continues optimistic about the business outlook with confidence indicator of +6.1 per cent as compared to +3.9 per cent in the previous quarter. Simultaneously, sentiments within Industry sector upturn to positive trajectory by posting +1.3 per cent as against -2.1 per cent in the second quarter 2023. The better perception in the Industry sector is backed by two sub-sectors, namely Agriculture and Mining, both of which anticipate favourable business conditions in the

reference quarter. On the other hand, Construction sector persistently anticipates negative business condition with confidence indicator of -26.9 per cent in the third quarter 2023. Likewise, Wholesale & Retail Trade sector remains pessimistic with an improved confidence indicator of -1.5 per cent in the reference quarter from -10.2 per cent in the second quarter of 2023.

Looking at the business sentiment for six months ahead ending December 2023, businesses remain upbeat, albeit at a lower net balance of +13.9 per cent from +14.9 per cent recorded previously (**Exhibit II**). Positive outlook is underpinned across all sectors, indicating an improved business conditions in the forecasted period. The Services sector anticipates favourable business situation in the forthcoming six months with a net balance of +27.0 per cent as against +30.1 per cent recorded for the period of April until September 2023. Similarly, Industry sector expects better business situation with a net balance of +9.7 per cent compared to +15.6 per cent. Moreover, the Wholesale & Retail Trade and Construction sectors turn optimistic on the business situation for the second half of 2023. Sentiment within Wholesale & Retail Trade sector increase with net balance +7.2 per cent aided by a better outlook in the Wholesale Trade sub-sector. Construction sector also foresees positive business condition with a net balance +2.6 per cent as compared to -7.7 per cent recorded previously.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

29 AUGUST 2023

Exhibit I: Quarterly Confidence Indicator, Malaysia, 2018 - 2023



Exhibit II: Net Balance of Business Performance Expectation for Upcoming Six Months, Malaysia, 2019 – 2023

